

## PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI *MURABBI* BERDASARKAN PANDANGAN PEMIKIR KONTEMPORARI

### *ISLAMIC STUDIES TEACHER ROLES AS A MURABBI BASED ON CONTEMPORARY SCHOLARS VIEW*

Ghaiazra Mohammad Ali<sup>1\*</sup>  
Abang Mohd. Razif Abang Muis<sup>2\*</sup>

<sup>1\*</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (royazra@gmail.com)

<sup>2\*</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (amrazif@ums.edu.my)

\*Corresponding Author

#### Article history

Received date : 01-07-2021

Revised date : 16-08-2021

Accepted date : 30-09-2021

Published date : 31-10-2021

#### To cite this document:

Ali, G. M., & Muis, A. M. R. A. (2021). Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Murabbi Berdasarkan Pandangan Pemikir Kontemporari. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 238 - 249.

---

**Abstrak:** Kertas kerja ini bertujuan untuk meneliti secara terperinci kajian-kajian yang berkaitan dengan Peranan Guru Pendidikan Islam (GPI) sebagai Murabbi. Penelitian ini dilaksanakan bagi mengkaji hasil kajian-kajian yang dititikberatkan oleh pemikir-pemikir kontemporari. Kajian ini adalah penting kerana abad ke-21 ini menyaksikan pelbagai cabaran dan tribulasi yang terpaksa diharungi oleh GPI khususnya untuk melahirkan pelajar sebagai hamba dan khalifah yang bersahsiah mulia dan yang berupaya untuk menyumbang kepada kemajuan agama, bangsa, tamadun dan negara. Oleh itu, peranan GPI sebagai Murabbi dilihat memiliki peranan yang penting dalam mencapai matlamat tersebut. Kertas kerja ini bersifat konseptual dan menggunakan kaedah analisis dokumen berdasarkan data sekunder seperti jurnal, artikel dan buku. Melaksanakan tanggungjawab sebagai Murabbi ini pastinya memerlukan keupayaan yang konsisten selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh yang sedemikian, persoalan yang timbul ialah, sejauh mana penekanan yang diberikan oleh para pemikir kontemporari dalam meneliti GPI sebagai Murabbi? Mereka telah menjelaskan bahawa peranan GPI sebagai Murabbi adalah amat perlu dalam membentuk kecemerlangan akademik dan sahsiah para pelajar selaras dengan agama Islam sebagai satu cara kehidupan. Kertas kerja ini berhasrat untuk menjawab persoalan ini dengan meneliti kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para pemikir kontemporari. Para pemikir kontemporari menjelaskan peranan GPI sebagai Murabbi perlu dalam membentuk kecemerlangan akademik dan sahsiah para pelajar.

**Kata Kunci:** Peranan, Murabbi, Guru Pendidikan Islam, Pemikir, Kontemporari

**Abstract:** *The purpose of this paper work purpose is to examine in details some studies related to 'Guru Pendidikan Islam' (GPI) or Islamic Education Teacher to act as 'Murabbi'. This study was carried out intentionally based on previous studies that have been stressed by most of contemporary thinkers. The 21st century saw the challenges and tribulations that GPI had to face, especially in producing students as servants and caliphs that is good confidentiality and were able to contribute progression to the religion, race, nation and civilization. Therefore, the role of GPI as 'Murabbi' is seem important role to achieve that goals. This is a conceptual paper work that developed based on descriptive analysis. The data are collected from secondary sources as journals, articles and books. Performing this responsibility as a Murabbi certainly requires consistent capabilities in accordance with the will of the National Philosophy of Education. Therefore, the question that arises is to what extent the emphasis is given by contemporary thinkers in researching GPI as Murabbi? This paper work aims to answer this question by examining studies that have been carried out by contemporary thinkers. Contemporary thinkers described GPI's role as Murabbi is essential in shaping students' academic and personal excellence.*

**Keywords:** *Role, Murabbi, Islamic Education Teacher, Thinker, Contemporary*

---

## **Pendahuluan**

Abad ke-21 telah menyaksikan profesion perguruan mengalami cabaran yang sangat besar selaras dengan transformasi pendidikan yang berlaku. Kekuatan dari segi mental dan fizikal amat diperlukan dalam suasana pendidikan sekarang. Ibubapa dan masyarakat semakin agresif menagih kejayaan segera anak-anak. Keadaan ini jelas menjadi isyarat penting bahawa setiap guru termasuklah GPI sewajarnya memiliki watak dan peranan yang berkesan bagi menghadapi isu-isu tersebut. Hal ini kerana, guru memiliki kedudukan yang mulia kerana mereka merupakan golongan yang berperanan mendidik akal dan roh yang merupakan dua unsur mulia pada diri manusia. Aspek perwatakan dan peranan guru merupakan isu penting kerana proses penerapan setiap elemen pendidikan tidak berfungsi dengan sempurna jika guru yang berperanan sebagai pelaksana tidak menjalankan perwatakan yang sepatutnya. Sehubungan dengan itu, adalah sangat penting bagi setiap GPI mendorong sikap dan tingkah laku ke arah kebaikan menerusi corak pendekatan bil hikmah (Tamuri et al., 2012). Tingkah laku mereka di dalam dan luar kelas melambangkan keunggulan mereka sebagai guru yang dengan mudah dapat diterima oleh para pelajar. Disebabkan itulah, Rasulullah SAW digelar sebagai mu'allim dan *Murabbi* kerana tugas baginda yang mengajar manusia perkara yang mereka tidak ketahui iaitu akidah dan tauhid kepada Allah (Al-Ulwan, 1996). Ini sesuai dengan firman Allah di dalam al-Quran yang bermaksud:

*Serulah ke jalan tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik ; sesungguhnya tuhanmu dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk*  
(Surah an-Nahl 16:125)

Peranan GPI untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing bukan suatu tugas yang mudah. Jika dahulu kemungkinan hanya sesetengah guru yang akan terbeban dengan tugas-tugas tertentu di sekolah. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006–2013 menyentuh tentang pembangunan modal insan, aset yang dapat disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteletaknya, serta diperkaya modal budayanya. Anjakan ketiga dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bermatlamat “Melahirkan Rakyat Malaysia Dengan Penghayatan Nilai” yang lebih menjurus kepada penerapan nilai-nilai murni dalam pendidikan.

Apabila tugas guru menjadi semakin rumit dan mencabar serta bebanan tugas yang menggunung, maka ia pasti mengundang tekanan kepada guru-guru. Tugas yang pada mulanya dianggap sebagai amanah kini dirasakan sebagai suatu beban yang perlu ditanggung. Ketidakupayaan guru untuk bertindak terhadap isu-isu pendidikan pada abad ke-21 ini menyebabkan ramai dalam kalangan guru menghadapi tekanan. Selain itu, persoalan etika dan personaliti guru turut dipamerkan sebagai salah satu isu pendidikan yang turut dibincangkan dewasa ini (Mamat, 2016). Tiada pilihan untuk guru sama ada secara rela atau paksa, guru mesti menghadapi dan menerima serta bersama-sama dalam perubahan ini. Guru adalah faktor terpenting dalam menyampaikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta visi dan misi sistem pendidikan kita. Hal ini membuktikan bahawa guru merupakan orang penting dan menjadi tanggungjawabnya memastikan setiap objektif tercapai. Kamis (1998), menegaskan bahawa guru perlu memberikan penerangan yang terperinci kepada semua pelajar sebelum sesuatu itu dilaksanakan. Hal ini bermakna, guru tersebut telah memiliki, menguasai, dan memahami terlebih dahulu sebelum ia dilaksanakan. Oleh yang demikian, GPI khususnya hendaklah memiliki pengetahuan yang jelas berkaitan ciri-ciri *Murabbi* kerana di bahu mereka terletaknya tanggungjawab dan amanah tersebut.

### **Guru Pendidikan Islam**

Guru dari segi perspektif Islam adalah pendidik dan pembimbing. Hal ini kerana, hampir semua aktiviti dan proses pembelajaran terletak di tangan seorang guru. Guru berperanan sebagai penyampai ilmu dan mengembangkannya serta menerapkan nilai-nilai mulia kepada para pelajar. GPI merupakan guru yang memperolehi ikhtisas perguruan sama ada di peringkat diploma atau sarjana muda atau kursus perguruan lepasan ijazah atau kursus lepasan diploma atau setaraf yang lain-lain yang setaraf bagi mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam atau Pengajian Islam dalam pelbagai bidang termasuklah bidang Tilawah al-Qur’an, Hafazan, Tajwid, Sirah, Tauhid, Akhlak dan Fikah. GPI juga adalah termasuk guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab dan kelas Kemahiran al-Quran. *Murabbi*, muallim, mudarris, mursyid, muaddib atau ulama adalah istilah yang sinonim dengan GPI.

Imam al-Ghazali telah menulis tentang kedudukan ilmu dan ulama atau orang yang ‘alim sebagai seorang yang berilmu dan kemudian bekerja dengan ilmunya itu, maka dialah golongan yang agung, guru adalah ibarat matahari yang menyinar dirinya sendiri, ibarat minyak kasturi yang baunya dinikmati orang lain. Pekerjaan ini menurut beliau adalah pekerjaan yang terhormat maka hendaklah guru memelihara adab dan sopan santun dalam tugasnya. Kajian yang dilaksanakan oleh Tamuri dan Ajuhary (2010), menyatakan guru dari

segi pandangan Islam secara umumnya mendidik, iaitu berusaha mengembangkan seluruh potensi murid sama ada potensi psikomotor, kognitif atau afektif. Hal ini kerana, hampir semua aktiviti dan proses pembelajaran terletak di tangan seorang guru. Guru berperanan sebagai penyampai ilmu dan mengembangkannya serta menerapkan nilai-nilai mulia kepada para pelajar. Tergolong dalam kelompok GPI (Guru Agama atau Ustaz, Ustazah) yang mempunyai sahsiah yang baik juga ialah GPI yang mengamalkan etika keguruan Islam yang standard. Guru adalah agen pendidikan yang berkesan yang membawa makna apa yang disampaikan akan di fahami oleh pelajar dan seterusnya matlamat pengajaran akan tercapai.

### **Pengertian *Murabbi***

*Murabbi* dihubungkan dengan bentuk *madhi*-nya yang terdapat dalam Al-Quran (*rabbayani*), dan bentuk *mudhari*'nya yang terdapat dalam al-Quran 26:18 (*nurabbika*) yang ertinya:

*... "Bukankah kami telah mengasuhmu di antara (keluarga) kami, waktu kamu masih kanak-kanak dan kamu tinggal bersama kami beberapa tahun dari umurmu",...*

dan ayat al-Quran yang lain 2:276, ertinya:

*... "Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah. Allah tidak menyukai setiap orang yang tetap berada di dalam kekafiran dan bergelumbang dengan dosa"...*

Watak guru sebagai *Murabbi* merujuk kepada peranan untuk memelihara dan mengembangkan potensi insan (Ibn Manzur, 1990). Al-Nahlawi (1996) memetik pandangan al-Bahi lalu menyimpulkan pengertian tarbiah mempunyai empat unsur, iaitu menjaga dan memelihara anak, mengembangkan bakat dan potensi, membimbing potensi untuk mencapai kesempurnaan dan proses tersebut berlaku secara beransur-ansur. Maka dapatlah disimpulkan di sini bahawa peranan guru sebagai *Murabbi* ialah peranan yang menjurus kepada aspek perkembangan fizikal, rohani dan pemikiran pelajar (Tamuri, 2007). Kajian-kajian lepas telah banyak dilakukan oleh pengkaji sebelum ini berkaitan akhlak, sosial, pengamalan nilai-nilai Islam dalam organisasi pendidikan sama ada di dalam negara mahupun luar negara yang menggambarkan nilai-nilai dan kualiti guru seorang *Murabbi*. Kamaruddin dan Abdul Majid (2017), peranan *Murabbi* dalam Pendidikan Islam adalah peranan yang sangat penting dalam pembangunan dan pembentukan akhlak remaja. Menurut Din (1998), dengan mengekalkan identiti dan fungsi yang sebenar, iaitu ilmu sebagai alat yang boleh membawa kepada kebenaran maka guru sebagai *Murabbi* perlu mewujudkan suasana yang harmonis dalam hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama manusia.

Dalam pembentukan seorang pendidik yang unggul, Tamuri (2006) telah memperkenalkan konsep 5M. Konsep ini memperkenalkan guru sebagai mudarris, mu'addib, murshid, mu'allim. Beliau menjelaskan M yang kelima adalah *Murabbi* yang berperanan sebagai guru dalam bilik darjah untuk menjaga, membesarkan, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah pelajar serta membentuk bakat dan kebolehan

yang wujud dalam diri mereka. Baba (2006) menyatakan, seorang *Murabbi* itu dibahagikan kepada tujuh peranan utama iaitu mempersiapkan diri dengan ilmu, keterampilan dan pengkhususan, menjadi contoh teladan kepada orang lain, menyampaikan sukatan pelajaran dengan metodologi yang sesuai, menyemaikan nilai-nilai murni kepada pelajar, berfikiran kreatif dan proaktif dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran, memahami cabaran zaman dan karenah lingkungan, dan mewujudkan suasana kondusif ketika proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Tengku Jusoh (2002) pula mengatakan, tarbiah adalah mencurahkan kasih sayang, memelihara, mendidik, mengembangkan, menyuburkan dan membesarkan.

Abd Ghafar Mahmud bekas Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, menambah guru sebagai *Murabbi* juga boleh menggunakan persekitaran akademik sebagai medan dakwah mereka dalam melahirkan pelajar yang berkualiti. Apabila guru-guru mempunyai kualiti seorang *Murabbi*, maka ia dapat bersaing di era globalisasi serta permasalahan pelajar dapat ditangani dan sekali gus meningkatkan kualiti akademik pelajar. Dapatan kajian oleh Alavi (2012) menunjukkan Guru Cemerlang Pendidikan Islam berpendapat tanggungjawab membangunkan manusia yang berkemahiran tinggi dan melatih modal insan yang lebih cemerlang untuk masa akan datang dapat dilaksanakan jika guru memegang amanah dan berperanan sebagai *Murabbi*. Bukhari (1994), menyatakan bahawa tugas guru tidak hanya mengajar tetapi juga mendidik. Jika guru hanya terpacu kepada mengajar, maka hasil yang diperolehi ialah pelajar-pelajar yang cukup luas pengetahuannya tetapi kurang mantap sahsiahnya. Al-Ma'buth (2000), menegaskan seorang guru perlu memiliki kekuatan mempraktikkan adab-adab khusus sebagai seorang guru. Ini kerana, jika guru sendiri gagal menghayati pengamalan Islam yang jelas, maka guru tersebut tidak akan dihormati dan disanjung oleh murid-murid serta masyarakat di luar.

Justeru, peranan GPI sebagai *Murabbi* melibatkan proses mendidik, memelihara, dan membentuk pelajar sehingga wujud rasa kasih sayang dan saling mempercayai antara mereka. Mereka perlu bersifat melindungi, mengembangkan, memberi cinta, mengajar, mendidik, memupuk dan memelihara sifat pelajar dan memelihara sifat pelajar dan mengembangkan bakat dan kemampuan pelajar. Seorang guru dalam erti *Murabbi*, mempunyai tugas mengembangkan kemampuan peribadi pelajar. Dalam keadaan ini, guru sebagai *Murabbi* bukan hanya harus mempunyai wawasan pengetahuan, tetapi juga dituntut untuk berperanan melindungi nilai-nilai luhur dari hilang seperti keimanan, keikhlasan, tolong-menolong, optimis, kejujuran dan keadilan. Kenyataan ini sesuai dengan pendapat Lickona (1991) yang menjelaskan tentang tanggungjawab guru sebagai model penerapan nilai murni iaitu guru perlu menjadi penjaga, model dan mentor, mencipta komuniti moral, mengamal disiplin moral, membina kelas bercirikan demokrasi, mengajar nilai rentas kurikulum, menggunakan pembelajaran koperatif, membina *conscienceofcraft*, memupuk keprihatinan melangkaui batas kelas, membina budaya moral yang positif di sekolah dan jadikan ibu bapa sebagai rakan kongsi. GPI perlu memainkan tanggungjawab ini supaya mereka memaksimumkan peranan dalam melahirkan pelajar yang berakhlak mulia.

### **Peranan *Murabbi* Guru Pendidikan Islam Berdasarkan Pandangan Pemikir Kontemporari**

GPI yang berperanan sebagai *Murabbi* adalah guru yang menjalankan pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang memiliki sifat sebagai ibubapa dalam menyantuni anaknya (Basri, 2008). Untuk itu, guru yang berperanan sebagai *Murabbi* perlu memahami latar belakang pelajarnya supaya ia dapat melayani mereka serta mengeratkan lagi ikatan seorang guru bersama pelajarnya sekali gus dapat melahirkan pelajar yang berpengetahuan, berkemahiran, dan berketerampilan.

Mohd Salleh (1997) pula menyatakan, antara ciri-ciri guru *Murabbi* adalah mengutamakan keselamatan dan kebajikan murid, bersikap adil terhadap murid tanpa mengira latar belakang keluarga, keupayaan akademik, dan ekonomi, merahsiakan maklumat sulit murid kecuali kepada yang berhak dan bersedia membimbing murid serta menunjukkan cara berpakaian, pertuturan dan tingkah laku sebagai contoh yang baik kepada murid. Terdapat beberapa model guru sebagai *Murabbi* yang telah dikenal pasti oleh pengkaji. Model-model ini menjadi asas kepada pembentukan GPI sebagai *Murabbi*. Model-model tersebut adalah kajian-kajian lepas yang ditulis oleh sarjana-sarjana Islam. Antaranya, Model Guru Sebagai *Murabbi* al-Ghazali (t.th), Model Kualiti Guru Sebagai *Murabbi* oleh Ulwan (1968), Model Kualiti Guru Sebagai *Murabbi* al-Nahlawi (1979), Model Kualiti Guru Sebagai *Murabbi* oleh al-Hammadi (1987), Model Kualiti Guru sebagai *Murabbi* oleh al-Suwaid (1988), dan Model Kualiti GPI Tusin (2010), (Jaafar dan Zetty, 2015) dan (Mustafa dan Ali, 2016). Daripada kajian-kajian serta model-model tersebut, maka penulis menyimpulkan beberapa ciri-ciri *Murabbi* yang perlu ada pada seorang GPI.

#### **Tugas dijadikan sebagai ibadah**

Segala beban dan amanah seorang GPI dalam erti kata *Murabbi* adalah berlandaskan niat kepada Allah dalam mengharapkan keredhaan Allah semata-mata. Apabila niat itu jelas, ia akan membentuk keikhlasan dalam menjalankan amanah yang dipikul tanpa mengharapkan apa-apa balasan atau ganjaran. Keikhlasan dalam menjalankan amanah menjadikan pekerjaan itu sebagai ibadah dan membentuk komitmen tinggi serta akauntabiliti seorang GPI dalam pekerjaannya. Namun demikian, ini tidak bermakna tidak boleh menerima ganjaran dari usaha itu tetapi kemuncak matlamat adalah mardhotillah yakni keredhaan Allah semata-mata. Selain itu, ia juga membentuk kesungguhan seorang guru dalam mengembangkan potensi jasmani, emosi, rohani dan intelektual pelajarnya. Maka tumpuan tugas yang dilaksanakan oleh *Murabbi* tidak akan bercampur aduk dengan hal-hal peribadi yang boleh mengganggu urusannya dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar. Sebagai seorang *Murabbi*, GPI hendaklah melihat profesion ini bukan hanya kerjaya semata-mata untuk mencari nafkah atau rezeki material tetapi satu tugas yang menjadi amanah yang berat dalam membimbing dan mendidik manusia. Apabila tugas ini dijadikan sebagai ibadah kepada Tuhan maka ia akan membuka jalan kepada seorang guru untuk berusaha gigih dan keyakinan tinggi sebagai khalifah Allah walaupun banyak cabaran dan penghalang serta pandangan negatif kepada usaha membimbing dan mendidik pelajar. GPI yang berperanan *Murabbi* juga adalah melaksanakan sunnah Rasul. Sabda Rasulullah yang bermaksud :

*“Ulama ialah pewaris para nabi”.*

(Sunan Abi Daud no. 3641, sunan Tirmizi no. 2682, diriwayat oelh Abu Darda’)

Inilah pengiktirafan dan penghormatan kepada para ‘alim dan orang yang berilmu. Penghormatan dan pengiktirafan ini pasti tidak bermakna sekiranya GPI masih tidak mempersiapkan diri sebagai guru ikhlas dan meletakkan keredhaan Allah sebagai tujuan utama. Proses dalam menjadikan pekerjaan itu sebagai ibadah ini secara tidak langsung dapat meningkatkan iman dan takwa seseorang itu kepada Allah.

### **Menyayangi pelajar seperti anak sendiri**

GPI yang berperwatakan *Murabbi* adalah guru yang menjadikan pelajar-pelajarnya bagi anaknya sendiri. Dalam erti kata lain, GPI adalah ibu dan ayah bagi pelajar bila berada di sekolah. Sebagai ibu dan ayah, GPI hendaklah melindungi, memberi cinta serta kasih dan sayang kepada pelajar. GPI hendaklah mengutamakan keselamatan dan kebajikan pelajar-pelajar. Apabila pelajar berbuat kesilapan, sebagai *Murabbi* hendaklah menegur mereka dengan hikmah dan memberi nasihat. Firman Allah dalam surah at-Taubah ayat 122 yang bermaksud :

*“Dan hendaklah mereka segera memberi peringatan (mengajar) akan kaum mereka sebaik sahaja mereka kembali (dari berjihad) semoga mereka sentiasa beringat.”*  
(Tafsir Quran al-Karim, m.s 206)

Nasihat ini adalah peringatan yang hendaklah sentiasa diberikan kepada pelajar supaya timbul rasa pelajar itu dipedulikan dan secara tidak langsung maka timbul rasa pelajar untuk berkongsi masalah kepada orang yang dipercayai dan diyakini untuk mendengar dan membantu masalahnya. *Murabbi* hendaklah menggunakan pendekatan mencegah dan menegur secara baik terhadap kesilapan pelajar-pelajarnya dan juga mendorong perlakuan makruf secara kasih sayang. Selain itu, sebagai guru dalam erti kata *Murabbi* juga hendaklah menjaga maruah dan aib pelajar-pelajarnya. Ini akan menambahkan keyakinan pelajar untuk sedia menjadikan guru seperti ibu dan ayah mereka di sekolah. Langgulung (1987) dalam kajian Hussin (2006), menyandarkan *Murabbi* kepada kalimah tarbiah seperti mana yang terdapat dalam firman Allah yang bermaksud :

*“Hai tuhanku, sayangilah keduanya sebagaimana mereka mendidiku sewaktu kecil”*  
Surah al-Isra : ayat 24.

Sifat kasih sayang yang dimaksudkan ini adalah hubungan GPI dengan pelajarnya yang mudah mesra dan saling menghormati antara satu sama lain serta menjaga hak-hak mereka sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Kesemua ini akan memudahkan lagi bagi GPI untuk membentuk personaliti serta membimbing pelajar kerana ikatan mesra telah terjalin kukuh.

### **Adil dalam setiap percakapan dan tindakan**

Bersikap adil adalah salah satu ciri seorang *Murabbi*. Sebagai seorang GPI, konsep keadilan hendaklah diterjemahkan dalam setiap percakapan dan tindakan. Ini adalah kerana, guru berhadapan dengan pelajar-pelajarnya yang berbeza jasmani, mental, emosi, politik, ekonomi, sosial, keturunan dan latar belakang. *Murabbi* menerima pelajarannya tanpa syarat. Perbezaan-perbezaan ini hendaklah diraikan bagi mengelakkan timbul pilih kasih dalam menyampaikan ilmu. GPI juga perlu mengajar mengikut aras pengetahuan dan pemahaman pelajar. al-Ghazali (t.th) menegaskan sesuatu yang zalim iaitu memberikan kepada yang tidak berhak dan tidak memberikan kepada yang berhak. Sabda Rasulullah yang bermaksud :

*“Apabila seseorang berbicara kepada sesuatu golongan tentang persoalan yang belum sampai otaknya ke sana, maka ia menjadi fitnah kepada sebahagian dari mereka”.*

(Hadis Sahih Muslim no. 5, Syarah Bukhari Ibn Mulqin no. 655/3 dari Abdullah bin Abbas r.a. Disahihkan oleh Al-Albani dalam Silsilatul Sahihah.)

Ini kerana, aras kognitif pelajar adalah berbeza-beza. Selain itu, konsep keadilan GPI sebagai *Murabbi* hendaklah menghormati ilmu-ilmu lain. Ilmu-ilmu lain di sini adalah ilmu-ilmu selain dari pendidikan Islam seperti Sains, Geografi, Sejarah dan sebagainya yang turut diajar di sekolah. Ia penting disampaikan kepada pelajar sebagai persediaan mereka apabila berada di tengah-tengah masyarakat kelak yang menuntut mereka untuk mengetahui, memahami dan menguasainya. Keseimbangan tuntutan dunia dan akhirat menjadikan pelajar tersebut mampu mengembangkan potensi untuk kebaikan di dunia dan di akhirat.

### **Kreatif dan Inovasi**

Sebagai seorang guru, kecekapan ikhtisas dalam pengajaran dan pembelajaran hendaklah sentiasa diberi nilai tambah. Ini adalah selaras dengan peredaran zaman yang menuju kepada teknologi moden dan canggih. Oleh itu, sebagai *Murabbi* nilai tambah dalam menjadikan kemahiran yang ada sesuai dan kreatif maka GPI hendaklah membuat pengkajian, menguasai pelbagai kaedah terkini yang melibatkan teknologi, menghadiri kursus, seminar, mesyuarat atau persidangan dan melibatkan diri dalam projek-projek inovasi supaya kemahiran ikhtisas mencapai mutu dan memenuhi kehendak semasa pelajar. Menurut Al-Affendi dan Baloch (1990), tidak memadai jika GPI hanya mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang mendalam tentang hukum-hukum Islam tetapi juga harus mempunyai dua kualiti yang utama iaitu keupayaan akademik dan intelek dan yang kedua keupayaan moral guru dalam memberikan contoh kepada pelajar. Di samping itu, seorang *Murabbi* perlu bersedia menerima perubahan dasar dan sistem pendidikan yang ada. Seorang GPI dalam erti kata *Murabbi* adalah seorang yang menjadikan cabaran itu peluang untuk meningkatkan kerjayanya dan menjadi nilai tambah untuknya menjadi GPI dalam mendukung hasrat Falsafah Pendidikan Negara. GPI yang berperanan sebagai *Murabbi* adalah GPI yang profesionalisme dalam diri mereka. Seorang yang profesional adalah seorang yang bersedia untuk menerima perubahan dan mencipta perubahan. Matlamatnya adalah memastikan kerjaya sebagai pewaris rasul dan ulama ini sentiasa disanjung tinggi dalam melahirkan modal insan yang beriman dan cemerlang.



### **Role-Model atau Qudwah**

Majzub, et al. (1993) menjelaskan bahawa proses pengajaran yang dibantu oleh sifat guru yang positif. Selain itu, beliau turut bersetuju pengaruh terhadap perkembangan akhlak dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah menengah yang diterapkan dalam peranan guru sebagai 'role-model' iaitu muaddib, muallim dan *Murabbi*. GPI hendaklah menunjukkan percakapan, penampilan dan tingkah laku yang baik bukan setakat di dalam kawasan sekolah tetapi juga di luar kawasan sekolah. Tamuri dan Abdul Razak (2003, ms.69) mengatakan :

Tidak dapat dinafikan lagi masalah keruntuhan akidah dan sosial seperti gejala murtad, keruntuhan akhlak, zina, rogol serta kegagalan remaja Islam untuk melaksanakan tuntutan asas sebagai seorang Islam telah menimbulkan pelbagai pandangan dan persepsi di kalangan masyarakat terhadap Pendidikan Islam amnya dan Guru Pendidikan Islam khasnya.

Ini kerana, GPI di mata masyarakat adalah insan yang berakhlak mulia dan menjadi contoh kepada mereka. Oleh sebab itu, GPI dewasa ini diberi peluang dan tempat menyumbang khidmat bakti di luar kerana mereka dianggap sebagai 'pakar rujuk' dalam bidang agama khususnya. Kajian-kajian lepas membuktikan ketidakupayaan sesetengah GPI dalam membentuk diri mereka selaku *qudwah hasanah* kepada pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia 2001, Duki, 2004, Naimuddin, 2003 dan Aiyun, 2005) Maka sebagai GPI yang memiliki watak *Murabbi* ini hendaklah menjaga setiap tutur kata, penampilan dan tingkah laku agar pandangan masyarakat kepada mereka bersifat positif. GPI juga hendaklah menunjukkan hubungan yang baik bukan setakat dengan Allah ataupun pelajar tetapi juga kepada rakan sejawat, ibu bapa dan pekerja-pekerja lain yang berada di sekolah. Hubungan yang baik ini membuktikan bahawa GPI tersebut adalah berperibadi murni dan berperilaku luhur. Md Nawari (2011), berpendapat akhlak mulia itu lahir daripada wujudnya hubungan baik manusia dengan Allah, dan hubungan manusia dengan seluruh makhluk termasuklah sesama manusia serta dirinya sendiri.

### **Kesimpulan**

Oleh itu, analisis dokumen peranan GPI sebagai *Murabbi* berdasarkan pandangan pemikir kontemporari adalah merujuk kepada peranan menyeluruh di dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan di luar sekolah. Peranan yang dimainkan ini membantu dalam perkembangan yang baik selaras dengan kematangan yang dilalui oleh para pelajar tersebut. Apabila peranan ini dijalankan menurut ciri-ciri seperti yang dinyatakan, maka ia akan memberi kesan kepada GPI itu sendiri dalam melaksanakan kewajipan syar'i, menjalankan sunnah Rasul, memperolehi ganjaran yang berlipat ganda, melahirkan keperibadian unggul GPI, mempelajari pelbagai keterampilan, meningkatkan iman dan takwa serta merasakan manisnya ukhuwah. Justeru jelaslah di sini bahawa GPI hendaklah memiliki watak sebagai *Murabbi* yang tidak hanya menyampaikan ilmu semata-mata tetapi juga mendidik, menyantuni, menyayangi, dan berpekerti mulia selaras dengan cita-cita yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam menjamin perkembangan individu pelajar. Para pemikir kontemporari menjelaskan peranan GPI sebagai *Murabbi* perlu dalam membentuk kecemerlangan akademik dan sahsiah para pelajar.

## Rujukan

- Al-Qur'an al-Karim. (2001). *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Abd Halim Tamuri.(2000). *Pengetahuan Akhlak Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah*. (Tesis ijazah Doktor Falsafah yang diterbitkan oleh Universiti Birmingham).
- Abd Halim Tamuri. (2006). *Model GPI : Konsep 5 Mim*. Seminar Amalan GPI, 1 April, Anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd Halim Tamuri, Mohd. Izahm Hamzah dan Masribanun binti Duki. (2007). Penilaian Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Amalan Kepimpinan GPI. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan*, 7(1), hlm. 33-50.
- Abd Halim Tamuri, Muhammad Faiz Ismail, Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Komponen Asas untuk Latihan GPI [Basic Component for Islamic Education Teacher Training]*. *Global Journal al-Thaqafah*, 2(2), 53-63.
- Abdul Said Ambotang, Baharom Mohamad, Mohd. Yusof Abdullah, Mohd Suhaimi Taat, Roslee Talip. (2010). *Kajian Geran Penyelidikan – FRGS0284 – 2/2010*, Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Nasir al-Ulwan. (1968). *Tarbiyah al-Awladfil Islam*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Abdullah Sani Yahya. (2005). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Bentong,Pahang : PTS Pulications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Mohd. Salleh. (2004). *Pendidikan Islam : Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Al-Abrasyi, Muhammad Athiyah. (1974). *Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah Wa Falasifatuha*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (t.th). *Ihya' Ulumal-Din*. Kaherah : al-Masyad.
- Al-hafiz al-Suwaid Muhammad Nur Ibn Abdullah. (1988). *Manhaj Tarbiyyah Nabawiyyah li at-Tifl*. Kuwait : Muassasah al-Rayyan.
- Al-Hammadi Yusuf. (1987). *Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah*. Riyadh : Dar al-Marikh li an-Nashr.
- Al-Nahlawi, Abdul Rahman. (1979). *Usul Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah Wa Asalibika : FiAl - Bait Wa Al-Madrasah Wa Al-Mujtamar*. Beirut : Dar Al-Fikr.
- Ashraf dan Syed Ali. (1995). *Horizon Baru dalam Pendidikan Islam : Terjemahan Ismail Ahmad*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmawati Suhid. (2005). *Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam bagi menangani Era Globalisasi*. *Jurnal Kemanusiaan*, UPM, 94-104.
- Asmawati Suhid. (2007). *Pengajaran Adab dan Akhlak Islam dalam Membangunkan Modal Insan*. *Jurnal Pengajian Umum* (8), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), hlm. 168-178.
- Azhar Ahmad. (2006). *Strategi Pembelajaran dan Peraturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Azlina Abu Bakar @ Mohd. (2002). *Psikologi Personaliti Individu*. Shah Alam : Karisma Pub. Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur : McGraw Hill.

- Fauzi Hussin, Jamal Ali dan Mohd Saifoul Zamzuri Noor. (2014). *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS*. Sintok, Kedah : Penerbit Universiti Utara Malaysia, hlm. 80.
- Ghazali Bin Basri. (2008). *Falsafah Pendidikan Islam Huraian Konsep & Aplikasi*. Brunei Darussalam : Pusat Penerbitan & Penyelidikan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Ibn. Manzur, Muhammad Ibn Mukarram. (1990). *Lisan al-Arab*. Beirut : Dar Sadir.
- Ismail Abas. (2002). *Kesan Kaedah Penyelesaian Masalah Pengajaran Akidah Terhadap Peningkatan Kemahiran Berfikir Kritis Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah Yang Diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).
- Kamus Dewan. Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam : Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jazmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia : Satu Kajian Kes*. Disertasi Phd. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Sukatan Pelajaran Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Pengajian Islam (Pengkhususan)*. Kuala Lumpur : Bahagian Pendidikan Guru.
- Kaiser, F.G. Woel Ring, S. Dan Fuhrer, U.(1999). *Enviromental Attitude and Ecological Behaviour*. Journal of Enviromental Psychology, 19, pp. 1-19.
- Mardziah Ab Aziz dan Nurul Ilyana Muhd Adnan. (2018). *Pengamalan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar [A Preliminary Study on Practice of Virtuos Students Character (Sahsiah Unggul Murid, SUMUR) towards Students Moral Appreciation]*.Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences , Akademia Baru, hlm. 180-190.
- Masribanun Duki. (2004). *Penilaian pelajar terhadap kepimpinan Guru Pendidikan Islam : Satu kajian di Daerah Kuala Selangor*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak diterbitkan.
- Mohd Aderi Che Noh dan Rohani Ahmad Tarmizi. (2009). *Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran*. Jurnal Pendidikan Malaysia, UKM, hlm. 93-109.
- Mohd. Anuar Mamat. (2016). *Isu dan Keperluan Etika Profesion Perguruan Islam (Eppi) : Satu Kajian Awal Berdasarkan Pandangan Pakar*. Seminar Antarabangsa Pemerkasaan Pendidikan Islam, (Madrasah). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Azam Mahat. (2009). *Guru, Pendidik, Pengajar, Pendakwah*. Shah Alam : Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mohd. Kasim Tusin. (2010). *Kualiti GPI Sekolah Menengah di Sabah*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diterbitkan, Universiti Malaysia Sabah).
- Mohd. Najib Najmuddin. (2003). *Hubungan antara amalan agama dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar Melayu*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan , Universiti Malaya yang tidak diterbitkan.
- Muhammad bin Nordin. (2017). *Penilaian Perlaksanaan Program Sahsiah Unggul Murid (Sumur) Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Smka)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Muhammad Hamid Al-Afendi & Nabi Ahmad Baloch. (1990). *Terj : Ahmad Jaffri Hassan, Mohammad Nordin Zainuddin, Asiah Idris. Kurikulum dan Pendidikan Guru*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Hisham Md Nawi. (2011). *Konsepsualisasi semula kurikulum Pendidikan Islam*. Tanjong Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zahariah Aiyub (2005). *Faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya yang tidak diterbitkan.